

08/09/2002

Dunia kutuk AS, Britain serang Iraq

CYBERJAYA: Tindakan Amerika Syarikat dan Britain menyerang Iraq kelmarin mendapat bantahan meluas di seluruh dunia khususnya di kalangan negara Islam termasuk Malaysia.

Mereka berpendapat serangan itu tidak wajar dan mengancam keselamatan rantau Timur Tengah dan dunia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengutuk tindakan itu dan menyifatkan serangan itu tidak akan menolong membantu menentang keganasan.

"Ia akan menimbulkan perasaan marah lebih banyak di kalangan orang tertentu dan kerjasama untuk melawan pengganas mungkin akan terbantut," katanya di sini semalam.

Sambil menyuara rasa dukacita terhadap serangan itu, beliau berkata Malaysia tidak akan terbabat dengan apa juga tindakan seumpama itu.

Beliau berkata Malaysia akan berbincang dengan negara Islam lain mengenai serangan Amerika Syarikat dan Britain terhadap Iraq dan akan menyatakan pendirian tidak bersetuju dengan serangan itu.

Di JOHANNESBURG, Menteri Luar Afrika Selatan Nkosazana Dlamini-Zoma, berkata serangan ke atas Iraq adalah sesuatu yang malang dan peperangan di negara itu patut dielakkan.

"Saya tidak nampak perlunya serangan ke atas Iraq. Kami fikir ia suatu yang malang jika Amerika berbuat demikian," katanya.

Di KAHERAH, Menteri Luar Liga Arab yang menamatkan mesyuarat di sini menolak sebarang ancaman terhadap Iraq kerana ancaman seperti itu dianggap sebagai ancaman keselamatan semua negara Arab.

Menteri Luar Iraq Naji Sabri dilaporkan oleh agensi berita INA sebagai berkata beliau berpuas hati dengan bantahan sebulat suara oleh semua menteri luar Arab yang membantah serangan ketenteraan Amerika Syarikat terhadap Iraq.

Negara-negara Arab juga membantah serangan terhadap mana-mana negara Arab lain khususnya Iraq dan percaya ancaman itu membabitkan keselamatan semua negara Arab.

Di AMMAN, Menteri Penerangan Iraq mengingatkan bahawa kedatangan semula pemeriksa senjata PBB ke negara itu tidak akan menamatkan sengketa Amerika-Iraq.

Sementara itu Presiden Russia Vladimir Putin menolak permintaan Amerika dan Britain untuk menyokong tindakan ketenteraan mereka ke atas Iraq.

Sebaliknya beliau meminta dilakukan penyelesaian yang menyeluruh dan dialog yang berterusan dengan PBB berkaitan dengan isu Baghdad yang belum selesai.

Ketua Dasar Luar Kesatuan Eropah (EU) Javier Solana mengulangi amaran kepada Washington bahawa EU membantah tindakan ketenteraan terhadap Iraq tanpa mandat PBB.

"Kita menentang serangan Amerika ke atas Iraq kerana serangan itu tidak boleh diterima oleh undang-undang antarabangsa." tegasnya.

Presiden Perancis Jacques Chirac dan Presiden China Jiang Zemin adalah pemimpin lain yang menentang keras tindakan menjatuhkan Saddam Hussein oleh Amerika.

Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan turut membantah serangan Amerika Syarikat itu dan menyifatkannya sebagai tindakan tidak bijak.

Beliau berkata serangan itu hanya akan menimbulkan ketegangan antarabangsa.